

Amanat PM kepada calon angkasawan

PUTRAJAYA 26 Sept. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawihari ini menyampaikan amanat kepada dua calon angkasawan negara, Dr. Sheikh Muszaphar Shukor dan Kapten Dr. Faiz Khaleed, yang akan berlepas ke Rusia malam ini bagi menjalani latihan setahun sebelum berlepas ke Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS).

Perdana Menteri turut menyerahkan Jalur Gemilang kepada mereka dengan disaksikan Ketua Pengarah Agensi Angkasa Negara Prof. Datuk Dr. Mazlan Othman dan Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Abdul Hanan Alang Endut.

Dalam amanatnya Abdullah berkata, rakyat meletakkan harapan yang tinggi kepada kedua-dua calon angkasawan itu untuk menjayakan misi negara dan mengharumkan nama

Malaysia.

Katanya, penglibatan mereka dalam program angkasa lepas akan memberi satu pendedahan dan pengalaman yang amat baik.

"Mudah-mudahan apajua yang dipelajari oleh mereka dapat dibawa balik ke Malaysia dan dimanfaatkan oleh rakyat," kata Perdana Menteri.

Beliau berharap kedua-dua mereka sentiasa berada dalam keadaan sihat dan kuat dari segi mental, fizikal dan rohani,

"Selamat berjuang dan selamat menjalankan tugas yang akan ditetapkan," kata Abdullah.

Kedua-dua calon angkasawan negara itu akan mengikuti latihan akhir di Star City, Moscow, termasuk tiga bulan mempelajari bahasa Rusia, selain mengenai kajian sains dalam beberapa bidang seperti bioteknologi

dan perubatan.

Seorang daripada mereka akan terpilih menyertai misi angkasa lepas kerajaan Rusia selama lapan hari dijadual bermula 2 September tahun depan.

Dr. Sheikh Muszaphar, 34, ketika diminta mengulas mengenai pertemuan itu, berkata, nasihat Perdana Menteri bukan sahaja merupakan satu bentuk persiapan dari segi fizikal, mental dan jasmani tetapi turut mengingatkan mereka agar tidak lupa kepada Tuhan dan agama.

Doktor perubatan itu berharap apabila kembali ke tanah air nanti, beliau dapat memberi inspirasi kepada pelajar dan kanak-kanak agar mereka lebih mendalami bidang sains.

Dr. Faiz, 26, pula berkata, beliau berharap program itu akan mencapai kejayaan dan objektifnya.

- Bernama